

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**YSF 512 – Sejarah Filem**

Masa : 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab soalan **SATU (1)** dan **DUA (2)** soalan lain.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

- 2 -

1. Terangkan beserta contoh tiga dari konsep berikut.
  - a. Tradisi Estetik
  - b. Tradisi Positivis
  - c. Ekspresionisme Jerman
  - d. Avant-Garde Perancis
  - e. Sistem Montaj Soviet
  - f. Sistem naratif klasik realis (*classic realist narrative system*)
  - g. Naturalisme
2. Dengan merujuk kepada filem *Birth of a Nation* (1915) bincangkan bagaimana evolusi stail naratif klasik. Bagaimanakah stail sebegini mengukuhkan *subject-matter* yang dipersembahkan oleh filem ini terutamanya aspek-aspek nasionalisme dan perkauman?
3. Mengapakah kebanyakan sinema nasional tidak wujud dalam rangka *Third Cinema* sebagaimana yang dinyatakan oleh Teshome H. Gabriel (1982)?
4. Bagaimanakah *organic-ness* dan *pathos* berfungsi dalam filem? Dengan merujuk kepada filem *Battleship Potemkin* (1925) bincangkan konsep-konsep ini dan kaitkan dengan sistem *montage of attractions*.
5. Dengan merujuk kepada filem *The Cabinet of Dr. Caligari* (1919) bincangkan kenyataan bahawa latar belakang ekonomi politik dan sosial masyarakat memainkan peranan penting dalam perkembangan tradisi Ekspressionisme di Jerman.
6. Melodrama adalah genre untuk wanita. Dengan merujuk kepada filem Casablanca ataupun lain-lain melodrama zaman klasik Hollywood, nilaiakan kebenaran kenyataan tersebut.

- ooo O ooo -